

11H9M ITALI + EROPAH TIMUR 6 NEGARA

Italy - Slovenia - Austria - Germany - Czech Republic - Slovakia - Hungary



**TERKENAL DENGAN SENI BINA BERSEJARAH SEPERTI
JAMBATAN CHARLES, DATARAN LAMA, DAN ISTANA PRAGUE,
SERTA DIGELAR “BANDAR SERATUS MENARA”.**

11H9M

ITALI + EROPAH TIMUR 6 NEGARA

Milan - Venice - Ljubljana - Salzburg - Munich - Prague - Vienna -
Bratislava - Budapest



HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL - MILAN

- Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Milan. (Transit di Istanbul)
- Bermalam di Milan.

HARI 02 MILAN - VENICE

SP/MM

Lawatan di Milan:

- Sforzesco Castle:** Salah satu kota pertahanan yang terbesar di Eropah yang dibina pada zaman Medieval abad ke-14 oleh pemerintah Milan, Francesco Sforza.
- Milan Cathedral:** Sebuah gereja unik binaan Gothic yang menjadi ikon kota Milan yang dibina sejak tahun 1386.
- Masa bebas untuk membeli-belah di **Galleria Vittorio Emanuele II**, pusat membeli-belah yang tertua di Itali sejak tahun 1877 lagi yang menempatkan pelbagai butik berjenama yang terkenal seperti prada, Gucci dan LV.

Bermalam di Venice.

HARI 03 VENICE - LJUBLJANA

SP/MM

Lawatan di Venice:

- San Marco Square:** Dataran utama yang menempatkan pelbagai tarikan di sekitarnya seperti gereja **San Marco Basilica** dan juga menjadi tapak bagi sebarang acara utama di pulau ini.
- Doge's Palace:** Istana kediaman pemerintah Venice dahulu yang dibina pada 1340 dengan ukiran bercirikan Gothic dan kini menjadi muzium.
- Bridge Of Sighs:** Sebuah jambatan terkenal dengan kisah cinta Casanova yang menyambungkan Doge's Palace dengan penjara.
- St Mark's Campanile:** Menara loceng setinggi 99m dibina pada tahun 1912 selepas menara asalnya yang dibina pada tahun 1514 runtuh pada tahun 1902.
- Grand Canal:** Terusan utama dan terbesar di kepulauan ini yang memisahkan antara San Marco dan San Polo dan dihubungkan dengan **Rialto Bridge**, jambatan ikonik dan tertua di kota Venice yang siap dibina pada tahun 1591.
- Tetamu boleh merasai pengalaman unik menaiki bot gondola Venice yang cukup popular dengan bayaran tambahan.

Bermalam di Ljubljana.

HARI 04 LJUBLJANA - BLED - HALSTATT - SALZBURG

SP/MM

Lawatan di Ljubljana:

- Preseran Square:** Dataran utama yang terletak di tengah bandar dan menjadi pusat tumpuan penduduk tempatan untuk beristirehat di samping di sini juga terletak binaan-binaan ikonik di bandar ini.
- Triple Bridge:** 3 buah jambatan kembar yang dibina pada tahun 1842 yang merentasi Ljubljanica River dan menghubungkan antara bandar lama dan bandar baru.
- Dragon Bridge:** Jambatan unik di tengah kota yang terdapat patung-patung naga seperti mengawal mereka yang melintasi jambatan ini.
- Masa bebas untuk membeli-belah cenderamata dan buah-buahan di **Ljubljana Central Market**.
- Berfoto di **Ljubljana Town Hall** yang dibina pada tahun 1717 dan air pancut Robba Fountain yang terletak di hadapannya.

Lawatan di Bled:

- Berfoto di **Lake Bled**, salah satu tasik terkenal di Eropah dengan pemandangan ikonik **Pulau Bled** di tengahnya. Dengan tambahan bayaran, tetamu boleh menaiki bot ke pulau kecil ini dan menyusuri sepanjang tasik ini sambil mengambil foto **Bled Castle** yang terletak di tebing bukit tasik.

Lawatan di Hallstatt:

- Perkampungan kecil yang cukup indah ini menawarkan pemandangan tasik yang cukup tenang dan indah terutamanya di kawasan **Old Town**.
- Dibawa menaiki kereta api funicular mendaki ke puncak bukit untuk ke **Welterbeblick Skywalk** untuk menikmati pemandangan panorama gunung dan tasik Hallstatt.
- Membeli-belah cenderamata di **Market Square**.

Bermalam di Salzburg.

HARI 05 SALZBURG - SCHWANGAU - MUNICH

SP/MM

Lawatan di Salzburg:

- Bersiar-siar di **Mirabell Garden** yang indah, yang terkenal serata dunia sebagai lokasi penggambaran filem muzikal Sound of Music dan disini juga terletak Mirabell Palace yang dibina pada tahun 1606.
- Menyusuri **Old Town** kota ini yang terkenal sebagai bandar di mana pemuzik legenda Mozart dilahirkan dan berpeluang untuk berfoto di **Mozart's birthplace**.

Lawatan di Schwangau:

- Merasai pengalaman unik menaiki kereta kuda menuju ke istana keluarga diraja Bavaria pada musim panas.
- Berfoto di **Neuschwanstein Castle**, istana yang dibina pada tahun 1884 oleh King Ludwig II dan menjadi inspirasi istana ikonik Disneyland kerana keindahan binaannya.
- Berfoto di **Hohenschwangau Castle**, istana yang dibina lebih awal pada tahun 1837 oleh bapa King Ludwig II. Istana ini terletak berhampiran dengan tasik Alpsee.

Bermalam di Munich.

HARI 06 MUNICH - PRAGUE

SP/MM

Lawatan di Munich:

- Melawat **BMW Welt** yang terletak di sebelah **Olympic Park** menonjolkan pameran kenderaan buatan BMW di samping pelbagai aktiviti interaktif juga terdapat di sini dan kedai cenderamata.
- Berfoto di **National Theatre** yang berusia 200 tahun dibina pada tahun 1818 dan masih beroperasi sehingga kini.
- Bersiar-siar di **Marienplatz** yang menempatkan **Old Town Hall** dan **New Town Hall** yang terletak dengan menara jam bergerak bermelodinya, **Rathaus-Glockenspiel**.

Bermalam di Prague.

HARI 07 PRAGUE

SP/MM

Lawatan di Prague:

- Masa bebas di **Wenceslas Square** yang terkenal dengan galeri-galeri yang menjual barangan kristal Bohemia dan berpeluang berfoto berlatar-belakang Narodni Muzeum yang cukup besar menarik binaannya pada tahun 1818.
- Prague Castle:** Kompleks istana yang dibina pada tahun 880 dan direkodkan sebagai istana kuno terbesar di dunia. Antara tarikan menarik di dalam kompleks istana ini ialah **Old Royal Palace** yang menjadi tempat di mana raja ditabalkan, **St. Vitus Cathedral**, **St. George's Basilica**, **Daliborka Tower** yang dahulunya digunakan sebagai penjara dan **Golden Lane** yang meriah dengan rumah berwarna-warni milik tukang-tukang emas pada zaman dahulu.
- Charles Bridge:** Jambatan yang cukup unik merentasi Vltava River sejak tahun 1357.
- Old Town Square:** Lihat keunikan menara jam **Astronomical Clock** yang dibina sejak 1410, **Old Town Hall** dan **Jan Hus Memorial** yang diukir pada tahun 1910. Membeli-belah cenderamata di sekitar Old Town.

Bermalam di Prague.

HARI
08 PRAGUE -
VIENNA

SP/MM

Meneruskan perjalanan ke Vienna.

Lawatan di **Vienna**:

- **Schonbrunn Palace**: Sebuah istana dengan laman bunga terbesar yang cukup menawan sejak 300 tahun dahulu.
- **The Hofburg** iaitu istana pemerintahan zaman dinasti Habsburg yang dibina pada tahun 1279 dan kini merupakan bangunan pentadbiran kerajaan.
- **Maria Theresa Statue** yang terletak di **Maria-Theresian-Platz** sambil diapit oleh 2 bangunan medieval di kiri dan kanannya iaitu **Natural History Museum** dan **Art History Museum**.
- Melawat **Vienna City Hall** yang dibina pada 1883 sebagai pusat pentadbiran kota ini.
- Bersolat di **Vienna Islamic Centre**, masjid terbesar di Austria yang dibina oleh Raja Arab Saudi pada 1975.
- Membeli-belah dan bersiar di **Stephansplatz** dan **Karntnerstrasse**.

Bermalam di **Vienna**.

HARI
09 VIENNA - BRATISLAVA -
PARNDORF - BUDAPEST

SP/MM

Lawatan di **Vienna**:

- Peserta akan dibawa membeli cenderamata di **Kalke Village** yang terkenal sebagai bangunan unik yang tidak menggunakan garisan lurus dalam pembinaannya.

Lawatan di **Bratislava**:

- **Bratislava Castle**: Nikmati pemandangan panorama sempadan 3 buah negara iaitu Slovakia, Austria dan Hungary dari laman istana ini dibina pada abad ke-9.
- Di sebelah istana ini terletaknya **National Council** yang menjadi lokasi ahli parlimen negara ini bersidang.

Lawatan di **Parndorf**:

- Masa bebas untuk membeli-belah di **Designer Outlet Parndorf** yang menempatkan pelbagai butik-butik terkenal dan menikmati diskaun hebat.

Lawatan di **Budapest**:

- **Gellert Hill**: Puncak bukit yang menawarkan pemandangan panorama indah terbaik seluruh kota Budapest. Antara tarikan di sini ialah Citadella iaitu sebuah kubu pertahanan yang dibina pada tahun 1851 dan menempatkan 60 buah meriam.
- **Heroes Square**: Sebuah dataran yang dibina bagi memperingati pahlawan-pahlawan terkenal dalam sejarah Hungary di mana menempatkan **Millennium Memorial** dan **Memorial Stone of Heroes**.
- Membeli-belah di **Central Market Hill** dan **Vaci Street**.
- Menaiki kapal **Danube River Cruise** di mana peserta akan dapat melihat keindahan kota Budapest sambil menyusuri sepanjang Danube River terutamanya Hungarian Parliament Building yang merupakan ikon kota Budapest dengan binaanya yang memukau mata memandang.

Bermalam di **Budapest**.

HARI
10 BUDAPEST - ISTANBUL
- KUALA LUMPUR

SP

Lawatan di **Budapest**:

- **Buda Castle**: Pernah menjadi istana pemerintah raja- raja Hungary dan Uthmaniyyah sejak abad ke-14.
- **Fisherman's Bastion**: Terkenal sebagai monumen tercantik di budapest dengan menara- menara berukirnya.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang terus ke Kuala Lumpur. (Transit di Istanbul)

HARI
11 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur 1.



PERTUKARAN MATA WANG



USD 1 =
MYR 4.50



EUR 1 =
MYR 5.20



PERBEZAAN WAKTU

Slovenia, Austria, Hungary,
Czech Republic, Itali: GMT+2
Malaysia: GMT+8



Muslim Panas:

Jun - Ogos



Muslim Luruh:

Sept - November



Muslim Sejuk:

Disember - Feb



Muslim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



ASTRONOMICAL CLOCK

Astronomical Clock yang juga dikenali sebagai Prague Orloj, merupakan salah satu mercu tanda paling ikonik di bandar ini dan keajaiban kejuruteraan zaman pertengahan. Ia merupakan jam astronomi ketiga tertua di dunia dan yang tertua masih berfungsi hingga hari ini.

2.



BLED LAKE

Merupakan destinasi paling ikonik di Slovenia, terletak di kawasan pergunungan Alps Julian. Tasik ini terkenal dengan airnya yang berwarna biru zamrud, sebuah pulau kecil di tengah tasik dengan gereja bersejarah, serta istana purba yang terletak di atas tebing tinggi.

3.



BUDA CASTLE

Salah satu mercu tanda paling ikonik di Budapest, Hungary dan merupakan sebahagian daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak tahun 1987, bersama-sama dengan tebing Sungai Danube dan kawasan Andrassy Avenue.

4.



PRAGUE CASTLE

Prague Castle bukan sekadar bangunan tetapi ia adalah simbol kebesaran Czech yang berdiri megah selama lebih 1,000 tahun, menghadap Sungai Vltava dari atas bukit.

Hotel Penginapan

3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Milan		1 Mlm
Venice		1 mlm
Ljubljana		1 Mlm
Salzburg		1 Mlm
Munich		1 Mlm
Prague		2 Mlm
Vienna		1 Mlm
Budapest		1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	TK 63	KUL - IST	1050	1635
2	TK 1877	IST - MXP	2150	2345
10	TK 1038	BUD - IST	2030	2340
11	TK 60	IST - KUL	0140	1705

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan malam sepanjang lawatan dan makan tengah hari mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Prague Castle.
- Tiket funicular train ke Welterbeblick Skywalk.
- Pengangkutan boat persiaran Danube River Cruise.
- Pengangkutan bot teksi ke Venice Island.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Sila rujuk agent untuk pembelian insurans yang sesuai.
- Tiket masuk ke Neuschwanstein Castle dan lain-lain tiket masuk yang tidak dinyatakan.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.
- Aktiviti/lawatan tambahan:
 - Gondola boat ride (Venice): EUR50 seorang
 - Lake cruise boat: EUR30 seorang